

Anugerah Utama - Tokoh Wanita Ikon 2007

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia



TOKOH Wanita Ikon 2007 merupakan seorang wanita yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan ekonomi negara dan amat disegani di rantau Asia juga di Barat. Beliau ialah Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Gabenor Bank Negara Malaysia.



● Sultanah Tengku Nora (dua dari kiri) menyampaikan trofi Tokoh Wanita Ikon 07 kepada Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz.



Bak kata pepatah, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi? Dan sebiji benih yang baik kalau tercampak di laut dalam menjadi pulau, kalau terdampar di benua menjadi pohon yang rimbun... Tokoh Wanita Ikon 2007 kelahiran Johor ini merupakan anak tunggal, berasal daripada sebuah keluarga ternama. Bapa beliau, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, merupakan bekas Naib Canselor Universiti Malaya. Manakala ibu beliau, Puan Azah Aziz merupakan tokoh Budayawan Negara yang disegani. Dr. Zeti berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian daripada Universiti Malaya dan menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Sebelum memulakan kerjaya di Bank Negara Malaysia, Dr. Zeti berkhidmat di South East Asia Research and Training Centre bermula dari tahun 1974 hingga 1984. Di sini beliau banyak menjalankan penyelidikan dalam bidang dasar dan

nakan Pelan Induk Sektor Kewangan, iaitu hala tuju 10 tahun bagi pembangunan sistem Kewangan Malaysia, Dr. Zeti juga terlibat secara aktif dalam pembangunan kewangan Islam dan kewangan kerjasama serantau. Beliau memainkan peranan aktif dalam penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa. Dr. Zeti juga merupakan teraju utama dalam membangunkan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia. Pada tahun 2002, Dr. Zeti mengetahui satu pasukan melancarkan Sukuuk Islam Global Malaysia, yang pertama ditubuhkan di dunia yang diterbitkan oleh sebuah kerajaan.

Dr. Zeti turut mengharumkan nama negara di peringkat global dengan penglibatan aktif beliau dalam banyak perubahan antarabangsa yang berprestij seperti Pasukan Petugas (EMEAP) iaitu 'Kerjasama Serantau dalam Kalangan Bank-Bank Pusat' di Asia yang bertanggungjawab menggariskan rangka tindakan bagi kerjasama kewangan di masa hadapan di rantau ini dan juga

adalah anggota Bank for International Settlements (BIS), Central Bank Governance Group sejak tahun 2001.

Pada tahun 2003, Dr. Zeti turut memainkan peranan penting dalam penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa, sebuah institusi yang menyediakan pendekatan berfokus ke arah pembangunan kepimpinan sektor kewangan di Malaysia.

Di Bank Negara Malaysia, Dr. Zeti telah merajuri pembentukan organisasi yang memberi tumpuan strategik dan berteraskan prestasi. Sepanjang kepimpinan beliau, Bank Pusat ini telah berjaya melalui transformasi, dengan pelaksanaan beberapa inisiatif organisasi jangka panjang termasuk pembaharuan struktur terhadap organisasi, penajajaran dasar-dasar sumber manusia dan banyak lagi dalam usaha melengkapkan institusi ini menghadapi cabaran-cabaran yang bakal mendarat dalam arus perubahan zaman yang semakin kompetitif dan penuh cabaran.

Sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia, Dr. Zeti telah menerima berbagai-bagai pengiktirafan antarabangsa daripada komuniti Kewangan Global. Antaranya ialah :

- Pengiktirafan sebagai Gabenor Bank Pusat Asia Terbaik 2003 oleh Emerging Markets, sempena Mesyuarat Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa di Dubai pada September 2003.
- Anugerah sebagai Gabenor Pusat Global 2004 oleh *The Banker*, sebuah majalah kewangan terbitan Financial Times Group, UK pada Januari 2004.
- Anugerah Gabenor Bank Pusat Tahunan 2005 oleh Euromoney.
- Gred 'A' dalam Laporan Prestasi Gabenor Bank Pusat Kewangan Global pada 2007, untuk lima tahun berturut-turut, sejak tahun 2003.

Bual Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, Malaysia sesungguhnya bertuah kerana mempunyai serorang tokoh wanita yang dinamik dan berkaliiber yang tidak sahaja telah menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara tetapi juga telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa dengan pencapaian-pencapaian yang membanggakan.

Terima kasih Dr. Zeti dan kami berharap agar pencapaian dan kejayaan beliau ini akan menjadi pendorong dan teladan yang boleh dijadikan sebagai ikon oleh generasi muda khususnya kaum wanita.